

MAHATHIR-ISLAM

(1)

1982

KUALA LUMPUR, 12 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUYAI KUMPULAN MINORITI ISLAM SUPAYA MEMBALAS BALIK SEPENUHNYA TAHAP AUTONOMI DAN TOLERANSI YANG DIBERI KEPADA RAKYAT BUKAN ISLAM DI NEGARA-NEGARA ISLAM.

KATANYA ADALAH MENDUKACITA BAHAWA KALANGAN MINORITI ISLAM DI BANYAK BAHAGIAN DUNIA HARI INI TIDAK DIBERI TAHAP TOLERANSI YANG ISLAM DIBERIKAN KEPADA ORANG BUKAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, "KUMPULAN MINORITI ISLAM CUMA MAHUKAN TOLERANSI DARI KUMPULAN MAJORITI BUKAN ISLAM, TIDAK LEBIH DARI HAK UNTUK HIDUP, BERIBADAT, MENGAMAL CARA HIDUP MEREKA DAN MATI SESUAI DENGAN TARAF SEBAGAI SEORANG MANUSIA."

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA KEADILAN DAN KESAKSAMAAN YANG DITUNJUKKAN OLEH NEGARA-NEGARA DENGAN MAJORITI ISLAM KETIGA BERURUS DENGAN RAKYAT BUKAN ISLAMNYA HESTILAH DINIKMATI BERSAMA OLEH KAUM MINORITI MUSLIM.

BELIAU BERUCAP KEPADA 100 ORANG WAKIL DAN PEMERHATI DARI 16 NEGARA KETIKA MERASNIKAN HESYUARAT PERTAMA MAJLIS DAKWAH ISLAM RANTAU ASIA TENGGARA DAN PASIFIK (RISEAP) DI SINI. -- BERSAMBUNG 1345/SZ

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGGESA UMAT ISLAM YANG WUJUD SEBAGAI KUMPULAN MINORITI JANGANLAH MENGANGGAP KEDUDUKAN MEREKA SEBAGAI NEGATIF ATAU PENGHALANG TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH MENYEDARI TENTANG KEADAAN SOSIAL NEGARA ITU DAN MEMATUHI KEPADA NILAI-NILAI ISLAM.

ADALAH DIANGGARKAN BAHAWA DI RANTAU TENGGARA ASIA DAN PASIFIK SAHAJA TERDAPAT KIRA-KIRA 250 JUTA UMAT ISLAM DAN CUMA TERDAPAT TIGA NEGARA DI RANTAU ITU -- INDONESIA, MALAYSIA DAN BRUNEI -- DI MANA UMA

ISLAM MERUPAKAN KUMPULAN MAJORITI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH WALAUPUN DI 17 BUAH NEGARA LAIN DI RANTAU ITU UMAT ISLAM ADALAH MINORITI, ADALAH JELAS BAHAWA MEREKA INGIN MENGEKALKAN IDENTITI ISLAM MEREKA.

UNTUK MENCAPAI INI, MEREKA TERPAKSA MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI LABARAN DAN KERUMITAN TETAPI ISLAM TELAH MENUNJUKKAN KETAMAMAN DAN KEKUATAN YANG MEMBOLEHKAN PARA UMATNYA BERPEGANG TEGUH KEPADA KEPERCAYAAN MEREKA WALAUPUN DALAM KEADAAN-KEADAAN YANG TERDESAK SEKALI.

ADA YANG PENTING, KATANYA, IALAH SEBAGAI UMAT ISLAM, MEREKA HENDAKLAH BERPEGANG KUAT DAN MENGAMAL AJARAN ISLAM YANG MEMPUYAI BATLAMAT BAGI MEMUJUDKAN KEBAIKAN, KESAMAAN DAN KEMAJUAN SELJAGAT. -- BERSAMBUNG 1412/SZ

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA PENTAFSIRAN DAN AMALAN-AMALAN (UELN) ISLAM MESTILAH BERSIFAT SEJAGAT DAN MESTILAH MENUTUPI, JIKA TIDAK MENGHAPUSKAN AMALAN-AMALAN YANG MENYELEWENG+.

AMALAN-AMALAN SERUPA ITU LEBIH CONDONG MENJADIKAN ISLAM PUNCA TOHMAH ATAU MEWUJUDKAN RASA TAKUT DI KALANGAN ORANG-ORANG LAIN DAN DENGAN ITU MENGHALANG PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN ISLAM DAN UMAT ISLAM, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENGGESA UMAT ISLAM SUPAYA SENTIASA SEDAR TENTANG KEBANGKITAN ISLAM DAN MEREKA HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN Masing-masing JIKA TIDAK MEREKA SEKALI LAGI AKAN HILANG DAYAUSAHA ITU.

UMAT ISLAM HENDAKLAH MEMIMPIN DAN BUKAN DIPIMPIN MUNGKIN KE ARAH KEHANCURAN MEREKA SENDIRI, DAN MEREKA HENDAKLAH MEMPELAJARI DARI APA YANG TELAH BERLAKU KEPADA AGAMA-AGAMA LAIN YANG LEBIH LAMA DARI ISLAM.

JANGANLAH KITA MENIPU DIRI SENDIRI DENGAN MEMIKIRKAN BAHAWA KEMUSNAHAN-KEMUSNAHAN AKIBAT MASA TIDAK AKAN MENINGGAL KESAN YANG SAMA KEPADA ISLAM. KITA HENDAKLAH MENYEDIAKAN DIRI BAGI MENENTANG SIFAT KEBENDAAN IDEOLOGI DAN KEPERCAYAAN ASING+.

--BERSAMBUNG 1458/AN

8350

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ISLAM TELAH MENYELAMATKAN DUNIA DARI ZAMAN JAHILIAH, DAN SELEPAS ITU MELANCARKANNYA PADA ZAMAN MODEN YANG MENGHASILKAN TAMADDUN MODEN.

DENGAN KEBANGKITAN ISLAM DAN KEKAYAAN EKONOMI YANG TIDAK TERKIRA YANG DIKUASAI OLEH NEGARA-NEGARA ISLAM, SEGALANYA TELAH BIAH UNTUK MENYELAMAT DUNIA BAGI KALI KEDUA.